

19 NOV 2002

Abdullah-Asean/I

ASEAN KOMITED DALAM MEMBANTU PEMBANGUNAN ICT ANGGOTA BARU

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Asean komited dalam memajukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di negara-negara anggota baru seperti Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam untuk merapatkan jurang digital yang boleh menyebabkan negara-negara ini ketinggalan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata setiap negara di Asean telah dipertanggungjawabkan dengan tugas khusus untuk membantu secara bersama negara-negara ini.

"Kami juga percaya di bawah peraturan Asean+3, mungkin bantuan tertentu boleh dihulurkan ke negara-negara ini," katanya dalam satu temubual dengan empat wartawan Asean dalam program "In Conversation" yang disiarkan di TV3 malam ini.

Abdullah diminta mengulas mengenai kenyataannya di Sidang Kemuncak Dunia Dunia Mengenai Pembangunan Berkekalan (WSSD) di Afrika Selatan baru-baru ini bahawa jurang digital antara negara-negara maju dan membangun akan menjadi punca utama kemiskinan di masa depan, dalam konteks Malaysia dan Asean.

Abdullah berkata pembangunan pesat ICT akan membawa kesan kepada pembangunan ekonomi, dan negara-negara tanpa teknologi ini tidak dapat bersaing dan akan menerima kesan buruk kerananya.

Beliau berkata ada negara yang beruntung kerana mempunyai semua kemudahan dan kaya maklumat, sementara ada yang tidak, dan negara-negara tanpa ICT akan terus ketinggalan, mewujudkan jurang baru antara yang kaya dan miskin.

"ICT kini dilihat sebagai kaedah baru dalam melakukan sesuatu, dalam meningkatkan ekonomi dan mewujudkan pertumbuhan yang lebih baik. Dalam situasi ini negara-negara yang miskin hari ini, mereka boleh menjadi bertambah miskin di masa depan kerana jurang digital ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan sudahpun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini di Malaysia dan ini turut perlu dilakukan di tempat-tempat lain.

"Pembangunan ICT adalah sesuatu yang tiada negara boleh elakkan. Kesemua kita akan terpengaruh dengannya dan ramai yang melakukan dengan kaedah ICT, dan (jika) anda tidak, anda tidak akan dapat bersaing dan terpaksa menghadapi akibatnya," katanya.

Abdullah merupakan pemimpin Asean kelima untuk muncul dalam program selama sejam itu dengan beliau ditemubual oleh empat wartawan kanan Asean.

Sebelum ini, Dr Mahathir muncul sebagai pemimpin Asean yang pertama dalam program itu diikuti oleh Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Speaker Majlis Perwakilan Rakyat Dr Amien Rais.

Penerbitan itu adalah hasil kerjasama antara TV3 di Malaysia, iTV Thailand, RCTI di Indonesia dan ABS-VCBN dari Filipina.

Dianggarkan 300 juta orang di rantau menyaksikan program itu yang memberi peluang kepada para pemimpin untuk mengutarakan pendapat masing-masing dalam pelbagai hal.

-- BERNAMA

AZH AHH PR